

FPP BizNewz *December 2020 – May 2021*

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**TRIBUNAL TUNTUTAN
PEMBELI RUMAH:**
Pembeli vs Pemaju
Perumahan

Is Working from Home
a Dream-Come-True
for Introverts or
Vice Versa?

Market Reaction to
PRIVATE PLACEMENT

BELAJAR DENGAN
TikTok

HIBAH:
Alternatif kepada
Pengurusan Aset
Islam di Malaysia

BENGKEL PEMANTAPAN
**PENULISAN ARTIKEL
UNTUK PENERBITAN**

**BERSELAWATLAH,
TANDA KASIH KEPADA
RASULULLAH S.A.W.**

E-DOMPET
DI MALAYSIA:
SATU TINJAUAN

ONE JOURNEY
COMES TO AN END
AND ANOTHER **BEGINS**



Photo by:
M Rishal
on Unsplash

e-Bulletin of the Faculty of Business and Management, UiTM Cawangan Terengganu
eISSN 2600-9811

KUTU: boleh atau tidak?

¹Suhaily Maizan Abdul Manaf

²Wan Mardiana Wan Musa

¹Nur Shafini Mohd Said

¹Nur Dalila Adenan

¹Siti Rapidah Omar Ali

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu¹

Fakulti Undang-Undang, UiTM Cawangan Terengganu²

Mengikut definisi Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, kutu adalah sejenis binatang halus yang terdapat pada rambut manusia dan bulu binatang dan menyebabkan kegatalan. Selain itu, kutu juga ditafsirkan sebagai individu yang merayau-rayau dengan tidak menentu. Namun, isu yang

ingin dikupas bukanlah berkenaan serangga atau perbuatan tersebut. Perbincangan yang ingin diutarakan ialah berkenaan aktiviti bermain kutu dalam kehidupan seharian.

Secara mudahnya, 'main kutu' adalah satu skim untuk menyimpan dan mengumpul duit secara berkala dalam satu kumpulan yang dibentuk

mengikut kesepakatan. Aktiviti ini juga turut dikenali sebagai 'tontine' atau 'chit fund'. Konsepnya adalah setiap peserta akan menandatangani sejumlah wang kepada seorang wakil yang bertindak sebagai 'ibu kutu'. Hasil wang terkumpul tersebut akan diserahkan kepada individu yang menerima giliran penerimaan wang kutu, dan proses ini berulang sehinggalah tamat tempoh kutipan wang kutu tersebut. Aktiviti bermain wang kutu ini amat popular dalam kalangan masyarakat sejak dahulu lagi. Namun, tahukah anda kebaikan dan keburukan bermain wang kutu ini serta undang-undang yang jelas berkenaan aktiviti ini dan apakah jenis-jenis kutu yang dijalankan?

Menurut Seksyen 3 Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971:

"Salah di sisi undang-undang bagi mana-mana orang untuk menjalankan perniagaan menganjurkan kumpulan wang kutu dan mana-mana orang yang menjalankan perniagaan itu melakukan suatu kesalahan..."

Berdasarkan kepada akta tersebut, ia jelas memberikan pengertian yang berbeza tentang aktiviti kutu ini. Ada yang menjadikannya sebagai platform mudah dan ringkas untuk menyimpan wang. Itu tidak menjadi kesalahan asalkan pihak terlibat mencapai kata sepakat dari segi pendepositan wang, penyimpanan wang, penyerahan wang, dan kejujuran menghabiskan tempoh kutu. Namun, yang menjadi kesalahan di sisi undang-undang ialah seseorang yang menjadikan kutu itu sebagai salah satu bentuk perniagaan dan mendatangkan keuntungan yang besar. Sebagai contoh, kutu bermain emas, kutu percutian, kutu beli barang rumah, dan lain-lain. Gambar di atas merupakan contoh perniagaan kutu emas yang jelas menyalahi undang-undang.

Walau bagaimanapun, permainan wang



kutu tanpa melibatkan sebarang bentuk faedah atau riba' adalah dibenarkan dari sudut Syariah kerana aktiviti ini berkonsepkan saling memberi hutang antara pihak pemberi serta penerima, dan mendapat jumlah wang yang sama tanpa sebarang nilai tambahan. Ini bertepatan dengan konsep kewangan Islam yang mempunyai ciri-ciri seperti persetujuan, kepastian, tiada unsur perjudian, dan riba'. Caj upah juga dibolehkan dengan syarat ia perlulah jelas dan difahami oleh setiap peserta. Namun begitu, setiap orang perlulah merujuk undang-undang yang terpakai dalam sesebuah negara bagi mengelakkan sebarang musibah seperti penipuan dan ketidaktelusan dalam mengurusniaga.

...

Rujukan:

1. Azar Ishak (5 Ogos 2020). Apa tu main kutu dan kenapa pula ia diharamkan di Malaysia? <https://asklegal.my/p/main-kutu-chit-fund-skim-duit-suruhanjaya-syarikat>
2. Admin (5 September 2020). Main Kutu: Dibenarkan Dari Sudut Islam, Dihalang Undang-Undang. <https://alhijrahnews.com/main-kutu-dibenarkan-dari-sudut-islam-dihalang-undang-undang/>



FPP BizNewz

December 2020-May 2021
Faculty of Business and Management
UiTM Cawangan Terengganu
eISSN 2600-9811